

**UCAPAN ENCIK ONG YE KUNG, MENTERI PENDIDIKAN  
(PENGAJIAN TINGGI DAN KEMAHIRAN) DAN MENTERI KEDUA  
PERTAHANAN DALAM MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH  
PERSURATAN KE-13, 28 OKTOBER 2017, 2.30 PETANG DI HOTEL  
FOUR SEASONS**

Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim, Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga dan Pengerusi, Majlis Bahasa Melayu Singapura

Puan Rosa Daniel, Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Seni Kebangsaan

Profesor Madya Hadijah Rahmat, Pengerusi, Jawatankuasa Anugerah Persuratan

Para Penilai Anugerah Persuratan dan Penerima Anugerah

Tetamu yang dihormati,

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Izinkan saya mulakan dengan serangkap pantun:

***Jalan-jalan di Bukit Bendera,  
Berehat sebentar di tengah hari;  
Kalau tidak kerana sastera,  
Tidaklah saya sampai ke mari.***

## **Pengenalan**

1. Selamat petang. Saya berasa gembira dan besar hati kerana dapat bersama tuan-tuan dan puan-puan dalam Majlis Anugerah Persuratan yang ketiga belas ini. Saya pasti, para sasterawan menanti-nantikan majlis yang dianjurkan setiap dua tahun sekali ini. Majlis ini bukan sahaja untuk mengiktiraf para penulis dan aktivis, tetapi juga satu peluang untuk bertemu kawan-kawan dan mengukuhkan jalinan.

## **Pentingnya Sastera**

2. Kita semua berada di sini kerana kita tahu pentingnya sastera. Pramoedya Ananta Toer, penulis Indonesia yang terkenal mengatakan bahawa tanpa sastera, kita hanyalah haiwan yang pandai. Keras sedikit bunyinya, tetapi begitulah pentingnya sastera dalam kehidupan kita. Sastera menjadi benang penganyam masyarakat, memaparkan isu-isu manusia yang luas, politik, sosial dan budaya. Dengan itu, kita lebih faham isu-isu kompleks dalam dunia kita yang cepat berubah.

3. Dan lebih penting lagi, sastera menyediakan ruang yang selamat untuk berinteraksi, membina kepercayaan dan bertukar-tukar fikiran walaupun ada pihak yang cuba mengambil kesempatan perbezaan yang wujud untuk memecah belah masyarakat kita. Semua ini disampaikan dalam pilihan kata-kata dan frasa-frasa yang indah dan mendalam maknanya.

### **Bahasa-bahasa yang saya pelajari**

4. Bagi diri saya, bahasa yang mula-mula saya pelajari ialah bahasa Mandarin. Lebih banyak saya belajar, lebih banyak saya membaca dan lebih kerap saya gunakan bahasa Mandarin, saya sedar akan kayanya sejarah dan budaya Cina. Saya mula menghayati indahnya bahasa Mandarin dalam setiap puisi dan cerita yang saya baca.

5. Selepas itu, saya belajar bahasa Inggeris. Dengan bahasa Inggeris, saya dapat menyampaikan idea saya dengan berkesan. Saya gunakannya di tempat kerja dan dengan kawan-kawan. Dengan kebolehan berbahasa Inggeris dan Mandarin, saya boleh mengubah bahasa kepada bahasa yang sesuai apabila saya perlu.

6. Pada masa ini, saya sedang belajar bahasa Melayu. Saya sedar ada banyak elemen-elemen masyarakat dan budaya dalam bahasa dan

sastera Melayu. Perkataan seperti “gotong-royong” dan “kunjung-mengunjungi” menunjukkan perpaduan masyarakat. Nuansa seperti ini penting apabila kita cuba memahami budaya satu sama lain. Sebagai contoh, tema Pesta Penulis Singapura tahun lepas ialah perkataan Melayu – Sayang. Sayang ialah perkataan Bahasa Melayu yang mempunyai pelbagai makna, digunakan sama ada untuk menyatakan perasaan cinta dan kasih, ataupun untuk meluahkan rasa kepahitan dan kehilangan.

7. Kita perlu mengajarkan nuansa-nuansa bahasa dan budaya seawal mungkin. Salah satu caranya melalui buku kanak-kanak seperti kita seronok membaca tentang *Badang, Singapura dilanggar Todak* atau *Pak Pandir* ketika kita kecil. Penting sekali kita mendedahkan tabiat membaca dalam diri anak-anak dari kecil. Pada masa yang sama, membaca sastera Singapura juga sama pentingnya. Dengan membaca sastera kita, secara langsung atau tidak langsung, kita mengenalkan warisan bahasa dan budaya kita yang ada dalam cerita-cerita tersebut kepada anak-anak kita.

### **Kategori Buku Bergambar Kanak-kanak**

8. Anugerah Persuratan tahun ini mengenalkan satu kategori baharu – Kategori Buku Bergambar Kanak-kanak. Kita percaya akan pentingnya buku-buku yang berkualiti untuk menyuntik minat membaca dalam kalangan kanak-kanak dan ibu bapa mereka membaca bersama mereka.
9. Membaca buku bersama anak-anak mengeratkan hubungan ibu bapa dengan anak. Buku-buku yang baik dapat digunakan untuk membina kemahiran berkomunikasi dan menanam nilai budaya.
10. Dengan kategori baharu ini, kami berharap para penulis dan penerbit akan lebih aktif dan meneruskan usaha mereka bergerak kembang ke luar lingkungan sedia ada untuk membina sastera kanak-kanak yang bermutu tinggi, terutama sekali sastera Singapura.

### **Sokongan pada Pembangunan Sastera Melayu**

11. Pembangunan dan penggalakan persuratan Melayu memang menjadi salah satu keutamaan NAC. Banyak platform di Singapura yang disediakan untuk menghargai karya dan sastera contohnya, Pesta Membaca anjuran NLB, Bulan Bahasa anjuran Majlis Bahasa Melayu, Anugerah Golden Point anjuran NAC.

12. Komitmen NAC dalam pembangunan para penulis Melayu dapat dilihat melalui program penulis tamu NUS-NAC, Program *Mencari Kristal* BH-NAC dan sokongan geran penerbitan berbahasa Melayu.

### **Platform Rantau untuk Sastera Melayu**

13. Di peringkat rantau dan antarabangsa, Singapura yang diwakili oleh Majlis Bahasa Melayu, membincangkan perkembangan dan penggalakan sastera di Majlis Sastera Asia Tenggara atau Mastera. Singapura menjadi anggota Mastera sejak 2012. Para penulis kita juga telah diiktiraf dan menerima hadiah atau anugerah di peringkat rantau dalam Mastera. Para penulis tersebut termasuklah Encik Suratman Markasan, Puan Noor Hasnah Adam, Encik Johar Buang, Dr Azhar Ibrahim dan bulan lepas, Encik Hassan Hassa'arie, baru menerima Hadiah Penulis Muda. Ini merupakan perkembangan yang baik untuk sastera tanah air kita.

14. Kami akan terus menyokong penggalakan sastera Melayu, termasuk usaha menterjemahkan sastera Melayu ke dalam bahasa lain agar jangkauan sastera Melayu lebih luas. NAC akan terus berkerjasama dengan rakan kerjasama dalam industri penerbitan untuk membina kualiti penerbitan, meluaskan jaringan pengedaran untuk sastera

Melayu. Ini akan membantu meningkatkan lagi taraf profesional bidang sastera negara.

## **Penutup**

15. Saya mengucapkan tahniah kepada Majlis Bahasa Melayu Singapura atas kejayaan menganjurkan Anugerah Persuratan ketiga belas ini. Tidak lupa juga kepada Profesor Madya Hadijah Rahmat, Pengerusi Anugerah Persuratan dan Dr Sa'eda Buang, selaku Ketua Penilai untuk anugerah tahun ini. Kerja keras dan usaha mereka memastikan bahawa majlis ini berjaya. Para penulis dan penerima anugerah hari ini telah memberikan sumbangan penting dalam membentuk warisan Sastera Melayu Singapura. Tahniah kepada semua pemenang.

16. Sekian, terima kasih.